

Memorandum

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-6533888
www.usm.my

No. Ruj. : USM.38/1 Jld.II

Tarikh : 5 Disember 2025

Kepada : Semua Staf Yang Bertugas
Semasa Konvokesyen USM ke-63

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 64 TAHUN 2025

- PEMBERIAN KEMUDAHAN CUTI PAMPASAN SEMPENA UPACARA KONVOKESYEN USM KE-63 (TAHUN 2025)

Saya dengan sukacitanya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti YBhg. Dato' Seri/Dato'/Datin/tuan/puan sedia maklum, Upacara Konvokesyen USM ke-63 telah pun dilaksanakan dengan jayanya sepanjang tempoh 25 November 2025 sehingga 2 Disember 2025.

3. Sehubungan itu, bagi menghargai komitmen, kerjasama dan kualiti penyampaian perkhidmatan yang cemerlang, pihak Universiti telah bersetuju untuk memberikan kemudahan **Cuti Pampasan** kepada staf-staf yang terlibat menjayakan Upacara Konvokesyen USM ke-63.

4. Syarat am pemberian kemudahan Cuti Pampasan adalah seperti berikut :-

- (a) **Layak kepada staf yang bertugas** pada tarikh **23 November 2025 (Ahad), 29 November 2025 (Sabtu)** dan **30 November 2025 (Ahad)**. Satu (1) hari cuti pampasan bersamaan dengan satu (1) tarikh/ hari bertugas. Ini bermakna sekiranya staf bertugas pada ketiga-tiga hari/tarikh seperti di atas, maka staf layak dipertimbangkan Cuti Pampasan selama tiga (3) hari.
- (b) **Perlu memohon secara rasmi melalui Sistem e-Cuti dan tidak dibenarkan mengambilnya secara rekod manual** – rujuk Hebahan Pendaftar Bil. 58 Tahun 2023 bertarikh 10 Oktober 2023.
- (c) Staf yang mengambil Cuti Pampasan ini adalah **tidak layak untuk menuntut bayaran elaun lebih masa**.
- (d) Tarikh pengambilannya adalah **tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan masing-masing**.
- (e) Tempoh kelayakan pengambilan Cuti Pampasan ini adalah **sehingga 31 Mac 2026**.

5. Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjelankan amanah,



(SARINA BINTI RAZAK)

Timbalan Pendaftar

Bahagian Sumber Manusia

- Menjalankan Fungsi Ketua Bahagian Sumber Manusia

s.k. Naib Canselor

Pendaftar